



SIARAN MEDIA

AGENDA PERBANDARAN MAMPAN TERUS DIPERKASA MELALUI PROJEK NAIK TARAF LORONG BELAKANG LEBUH ARMENIAN, PULAU PINANG

GEORGETOWN, 6 Februari 2023 – YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang telah menyempurnakan Majlis Perasmian Projek Lorong Belakang Lebuh Armenian pada petang ini. Kerja-kerja menaik taraf lorong belakang sepanjang 135 meter ini telah melibatkan peruntukan sebanyak RM125,000.00 oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Turut hadir ialah YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Dato' Noor Ihsan bin Haji Che Mat, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Yew Tung Seang, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, pengurusan tertinggi Kementerian serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB KM dalam ucap ternaik beliau di majlis tersebut berkata, “Projek transformasi lorong belakang ini adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang bertujuan untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap lorong belakang yang gelap, berbahaya, terbiar dan kotor kepada suasana lorong yang lebih selamat, hijau dan bersih. Selain itu, ia juga mewujudkan laluan alternatif yang lebih selamat kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.”

Antara elemen-elemen penting yang diaplikasikan dalam projek ini termasuklah penglibatan aktif komuniti dalam usaha mengindahkan lorong belakang. Ianya penting untuk mengimbangi tiga dimensi pembangunan mampan iaitu sosial, ekonomi dan alam

sekitar. Justeru, KPKT juga telah meluluskan beberapa projek naik taraf laluan pejalan kaki di sekitar Georgetown melibatkan Lebuah Ah Quee ke Lorong Pitt, Jalan Masjid Kapitan Keling dan Jalan Pesara Claimant.

Tambah beliau, “Sebagai Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab serta peka terhadap keperluan dan kebajikan rakyat, KPKT sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada rakyat menerusi pelbagai projek yang memberi impak positif untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.”

Pada tahun 2021 dan 2022, KPKT juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak hampir RM7 juta kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi pelaksanaan 32 buah projek melibatkan kerja-kerja naik taraf infrastruktur kemudahan awam. KPKT juga akan meneruskan usaha-usaha bagi meningkatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di seluruh negara menerusi kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan termasuklah di negeri Pulau Pinang. Ia merupakan langkah komited KPKT dalam memperkukuh agenda kemampanan bandar serta komuniti demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

